

Indeks jatuh beri ruang kaji kelemahan

Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 15 JUN**

KEDUDUKAN Malaysia dalam empat indeks terbitan Yayasan Islamicity yang semakin merudum perlu dilihat secara positif dan dianggap sebagai peluang untuk kerajaan bermuhasabah.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School, Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, penilaian yang dibuat dalam indeks tersebut boleh digunakan oleh kerajaan untuk menambah baik mana-mana aspek yang kurang baik.

Namun, kata beliau, indeks tersebut tidak sepatutnya dijadikan sebagai sasaran muktamad kerana ia perlu disesuaikan dengan keperluan dan situasi sosiopolitik negara.

"Indeks ini berguna untuk kerajaan mengenal pasti apakah kelebihan atau penambahbaikan yang telah dibuat oleh kerajaan (untuk) bersifat lebih Islamik dan juga kekurangan atau ruang untuk menjadi negara yang mempunyai lebih banyak ciri-ciri negara yang Islamik. Namun ia bukanlah sasaran yang muktamad kerana setiap

Perkara yang sama juga berlaku ke atas negara kita Malaysia yang mana ada sesetengah polisi dan dasar yang tidak bersifat Islamik tetapi masih diteruskan kerana sejarah sosiopolitik negara kita."

**AHMED RAZMAN
ABDUL LATIFF**

negara ada sebabnya mengapa mereka mengamalkan polisi atau dasar tertentu.

"Perkara yang sama juga berlaku ke atas negara kita Malaysia yang mana ada sesetengah polisi dan dasar yang tidak bersifat Islamik tetapi masih diteruskan kerana sejarah sosiopolitik negara kita. Sebagai contoh kita masih memberi kelebihan ekonomi kepada sesuatu etnik dan bukannya kepada semua golongan. Ini dilakukan kerana aspek sejarah dan sentimen rakyat turut memainkan peranan penting dalam menentukan dasar dan polisi tersebut," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Pensyarah Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ab-

dul Muein Abadi menulis satu artikel bagi mengulas kedudukan Malaysia dalam empat indeks terbitan Yayasan Islamicity yang semakin merudum.

Menurut beliau, empat indeks tersebut ialah Indeks Ekonomi, Hak Berpolitik, Hubungan Antarabangsa dan Indeks Keislaman yang menilai secara keseluruhan prestasi Malaysia dalam kajian tersebut.

"Diharapkan kesemua fakta dan data ini menjadi peringatan keras kepada para menteri kabinet Pakatan Harapan hari ini. Mereka kini mempunyai dua pilihan sahaja iaitu sama ada berusaha keras untuk mengembalikannya semula maruah negara yang kini tercalar di pentas antarabangsa atau letak jawatan," katanya.

